



## JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62551 WP PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000  
Faks: 603-8880 8288  
Laman Web: [www.jpn.gov.my](http://www.jpn.gov.my)  
E-mel: [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)



Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (32)

Tarikh : 13 Jun 2016

**Ketua Pengarang,  
Thina Thanthi**

Tuan,

### **MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR THINA THANTHI BERTAUK "MAKKAL SAKTHI HULURKAN BANTUAN KEPADA DATCHAYINI YANG TIADA KAD PENGENALAN" BERTARIKH 10 JUN 2016, JUMAAT – M.S: 11**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Rathinajanapa a/p Ratnam berkaitan anak beliau, Tachaini yang tiada dokumen pengenalan diri.

3. Ingin dimaklumkan, pada 8 Jun 2016 Puan Rathinajanapa a/p Ratnam telah hadir ke JPN Negeri Sembilan bagi mengemukakan permohonan kad pengenalan kali pertama untuk Tachaini dan kad pengenalan tersebut telah pun siap serta telah dikutip pada hari yang sama. Tachaini juga telah dikeluarkan sijil kelahiran pada tahun 2008 di bawah urusan pendaftaran lewat kelahiran yang hanya mencatatkan maklumat ibu dan kanak – kanak sahaja.

4. Oleh yang demikian, dakwaan Puan Rathinajanapa a/p Ratnam bahawa anaknya Tachaini tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri adalah tidak benar sama sekali.

Sekian, terima kasih.

### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.: 1. YBr. Tuan KPPN

RAKYAT DI HATI JPN

